

**Tuhan Tritunggal dalam Kristus Menjadi Hayat Kita
dengan Bersinar dalam Hati Kita**

Bacaan Bible: 2 Kor. 4:4, 6-7; 3:18; Mat. 17:2; Ef. 5:8-9; Wahi 22:4a, 5b; 21:23

- I. “Dalam mereka, tuhan zaman ini telah membutakan fikiran mereka yang tidak percaya sehinggakan pencahayaan injil kemuliaan Kristus, iaitu imej Tuhan, tidak dapat menyinari mereka”—2 Kor. 4:4:**
- A. Syaitan, tuhan zaman ini, telah membutakan fikiran dan minda mereka yang tidak percaya sehinggakan pencahayaan injil kemuliaan Kristus tidak dapat bersinar dalam hati mereka:
 - 1. Orang yang dibutakan atau diselubungi menyangka bahawa mereka tidak menyembah apa-apa pun; sebenarnya, tuhan mereka ialah Syaitan.
 - 2. Golongan ateis menyembah Syaitan namun mereka tidak sedar akan apa yang dilakukan mereka.
 - 3. Hampir semua orang hari ini telah dibutakan oleh tuhan zaman ini.
 - B. Kristus sebagai imej Tuhan ialah kesemarakkan kemuliaan-Nya; oleh itu, injil Kristus ialah injil kemuliaan-Nya yang mencahayai, memancar, dan bersinar dalam hati kita—Ibr. 1:3; 2 Kor. 4:6.
 - C. Injil kemuliaan Kristus ialah injil kemuliaan Tuhan yang terpuji—1 Tim. 1:11.
 - D. Dengan mendispenkan hayat dan sifat Tuhan dalam Kristus ke dalam umat pilihan Tuhan, injil kemuliaan Kristus menyinarkan kemuliaan Tuhan; dalamnya Tuhan terpuji dalam kalangan umat-Nya—Ibr. 1:3; Ef. 1:3, 6, 12, 14.
- II. “Kerana Tuhan yang bersabda, Daripada kegelapan cahaya akan bersinar, Dialah yang bersinar dalam hati kami untuk mencahayai pengetahuan terhadap kemuliaan Tuhan di muka Yesus Kristus”—2 Kor. 4:6:**
- A. Penyinaran Tuhan dalam hati kita menghasilkan pencahayaan pengetahuan terhadap kemuliaan Tuhan di muka Yesus Kristus, yakni dalam pencahayaan yang menyebabkan kita mengenali kemuliaan Tuhan dalam injil Kristus—ay. 4, 6.
 - B. Pencahayaan pengetahuan terhadap kemuliaan Tuhan berada di muka Yesus Kristus; ini menunjukkan bahawa injil kemuliaan Kristus ialah persona yang indah menawan yang pada muka-Nya kita dapat melihat kemuliaan Tuhan—ay. 4, 6; Mat. 17:2.
 - C. Kemuliaan Tuhan yang dimanifestasikan di muka Yesus Kristus ialah Tuhan kemuliaan diekspresikan menerusi Yesus Kristus, yang merupakan kesemarakkan kemuliaan Tuhan; mengenali Dia bermaksud mengenali Tuhan kemuliaan—Kis 7:2; Ibr. 1:3.
 - D. Semakin banyak Tuhan bersinar dalam hati kita, semakin banyak kita akan menyinari orang lain supaya mereka dapat beroleh pengetahuan terhadap kemuliaan Tuhan di muka Yesus Kristus, iaitu pengetahuan terhadap Kristus, yang mengekspresikan dan menyatakan Tuhan; injil kemuliaan Kristus mula-mula bersinar ke dalam kita, kemudian bersinar keluar dari dalam kita—Yoh. 1:18; Mat. 5:16; Flp. 2:15.
- III. “Kami mempunyai harta ini di dalam wadah tanah supaya keunggulan kudrat ini kepunyaan Tuhan dan bukan daripada kami”—2 Kor. 4:7:**
- A. Menerusi pencahayaan injil kemuliaan Kristus, Kristus kemuliaan sebagai harta yang unggul diterima oleh percayawan; sekarang realiti Kristus (perjasadan dan ekspresi Tuhan Tritunggal) yang bersinar, ialah harta dalam kita—vv. 6-7:
 - 1. Penyinaran Tuhan, iaitu pendispenan Tuhan, dalam hati kita membawakan kita satu harta, iaitu Kristus almuhit, yang merupakan perjasadan Tuhan Tritunggal sebagai Roh beri-hayat untuk menjadi hayat dan segala-gala kita—ay. 4, 6-7; Kol. 2:9; 3:4, 11; 1 Kor. 15:45b.

2. Harta yang tidak ternilai ini, iaitu Kristus yang huni secara dalaman, ialah sumber bekalan divin bagi kehidupan Kristian kita—Flp. 4:13; 2 Kor. 13:5; 4:7.
- B. Harta yang tidak ternilai ini telah menjadikan kita, wadah tanah, minister waa-dah baru dengan ministri yang tidak ternilai; ini adalah melalui kudrat divin dalam kebangkitan; keunggulan kudrat ini sudah pasti kepunyaan Tuhan dan bukan daripada kita—3:6; 1:9; 4:7.
 - C. Mereka yang menerima injil kemuliaan menerusi penyinaran kita akan beroleh Kristus sebagai harta yang berharga didispenkan ke dalam mereka; dengan demikian, mereka akan menjadi wadah tanah yang berisikan harta yang tidak ternilai ini, sama seperti kita—ay. 4, 6-7.
- IV. “Kita semua dengan muka yang tidak diselubungi, seperti cermin menatap dan memantulkan kemuliaan Tuan, sedang ditransform menjadi imej yang sama daripada kemuliaan kepada kemuliaan, sebagaimana daripada Tuan Roh”—3:18:**
- A. Menatap kemuliaan Tuan bererti kita sendiri melihat Tuan; memantulkan kemuliaan Tuan pula bererti membolehkan orang lain melihat-Nya menerusi kita.
 - B. Kemuliaan Tuan ialah kemuliaan Kristus yang bangkit dan naik ke syurga, yang merupakan Roh beri-hayat yang huni dalam kita untuk menjadikan diri-Nya dan segala yang telah disempurnakan, dicapai, dan diperoleh-Nya itu benar kepada kita, agar kita dapat bersatu dengan-Nya dan ditransform menjadi imej yang sama seperti Tuan daripada kemuliaan kepada kemuliaan; dengan cara ini, Dia menjadikan kita sama seperti Dia—Luk. 24:46; Ibr. 2:9; 2 Kor. 3:18; Roma 8:29.
 - C. Ini merupakan proses yang berterusan dalam hayat dalam kebangkitan—2 Kor. 3:18.
- V. “Dahulunya kamu ialah kegelapan tetapi sekarang cahaya dalam Tuan; bergerak-hiduplah sebagai anak-anak cahaya”—Ef. 5:8:**
- A. Oleh sebab Tuhan ialah cahaya, maka kita sebagai anak-anak Tuhan ialah anak-anak cahaya—1 Yoh. 1:5; Ef. 5:8; Yoh. 12:36.
 - B. Kita bukan sahaja anak-anak cahaya—kita ialah cahaya itu sendiri; kita ialah cahaya kerana kita adalah satu dengan Tuhan dalam Tuan—Mat. 5:14; 1 Yoh. 1:5.
 - C. Apabila kita berada dalam cahaya, kita berada di luar alam betul dan salah—ay. 7.
 - D. Jika kita bergerak-hidup sebagai anak-anak cahaya, kita akan menghasilkan buah seperti yang digambarkan dalam Efesus 5:9:
 1. Buah cahaya seharusnya baik dari segi sifat, adilbenar dari segi prosedur, dan benar dari segi ekspresi, supaya Tuhan dapat diekspresikan sebagai realiti gerak-hidup harian kita.
 2. Buah cahaya yang terdapat dalam kebaikan, keadilanbenaran, dan kebenaran adalah berkaitan dengan Tuhan Tritunggal:
 - a. Tuhan Bapa sebagai kebaikan ialah sifat buah cahaya; oleh itu, kebaikan dalam ayat 9 merujuk kepada Tuhan Bapa—Mat. 19:17.
 - b. Keadilbenaran merujuk kepada Tuhan Anak kerana Kristus datang untuk menyempurnakan tujuan Tuhan menurut prosedur adilbenar Tuhan—Roma 5:17-18, 21.
 - c. Kebenaran, iaitu ekspresi buah cahaya, merujuk kepada Tuhan Roh kerana Dia ialah Roh realiti—Yoh. 14:17; 16:13.
- VI. “Mereka akan melihat muka-Nya...Tuan Tuhan akan menyinari mereka”—Wahi 22:4a, 5b:**
- A. Melihat muka Tuhan dan Anak Domba akan menjadi berkat Tuhan Tritunggal yang dinikmati oleh umat yang ditebus Tuhan dalam keabadian—ay. 4a.
 - B. Tuhan sendiri dalam Anak Domba akan menyinari kita, dan kita akan hidup selama-lamanya di bawah pencahayaan-Nya yang mulia—ay. 5b; 21:23.